

Pengambilan ubat perlu ikut jadual elak virus terus merebak

B.H m/s C7 29.1.07

PERTUBUHAN Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan, sehingga Disember 2006 kira-kira 39.5 juta orang hidup dengan HIV iaitu enam peratus (2.3 juta) daripadanya ialah kanak-kanak bawah 15 tahun. Jumlah angka itu memang cukup menggerunkan apatah lagi jika membayangkan keadaan dan penderitaan yang akan dilalui pesakit HIV/Aids.

Justeru, penjagaan penting terutama dari segi pengambilan ubat, perlu tepat pada masa dan tidak boleh ketinggalan sebiji pun kerana ia boleh menyebabkan virus terus berkembang serta semakin kuat. Bagi kanak-kanak yang menghidapi penyakit itu khususnya, penjagaan yang baik membolehkan mereka menjalani hidup seperti kanak-kanak lain.

Kanak-kanak berkenaan juga memerlukan sokongan emosi kerana sebahagian besar mereka datang daripada keluarga yang berpecah belah, bapa di pusat serenti atau penjara, manakala ibu mungkin berada di jalanan.

Hakikatnya, pelbagai cabaran dan penderitaan yang terpaksa dilalui termasuk risiko terdedah dalam sindiket menjual kanak-kanak dan kancah pelacuran. Untuk itu, kanak-kanak itu perlu diselamatkan dan dilindungi supaya mendapat kehidupan lebih baik dan mempunyai masa depan yang lebih terjamin.

Berikut adalah antara kesan HIV/Aids kepada kanak-kanak:

Tekanan psikosocial

Penyakit dihidapi ibu bapa dan kematian mereka menyebabkan tekanan psikosocial yang begitu tinggi. Lebih teruk adanya stigma dan perasaan malu berkaitan dengan HIV/Aids.

Masalah ekonomi

Ketidakupayaan ibu bapa bekerja dan terpaksa menggunakan wang simpanan untuk penjagaan, mungkin menyebabkan kanak-kanak terpaksa mengambila-

lih tanggungjawab orang dewasa bagi menjaga ahli keluarga yang sakit dan menanggung keluarga.

Pendidikan dan persekolahan terabai

Tekanan menyara dan menjaga keluarga serta adik beradik boleh menyebabkan kanak-kanak selalu tidak hadir ke sekolah sehingga keciciran dalam pendidikan atau terus meninggalkan bangku sekolah. Tekanan untuk berhenti sekolah lebih dialami apabila salah seorang atau kedua-dua ibu dan bapa meninggal dunia.

Kekurangan zat dan sakit

Kanak-kanak khususnya anak yatim kebanyakan tidak mendapat zat makanan mencukupi dan mudah sakit serta tidak begitu mempedulikan mengenai penjagaan atau rawatan yang diperlukan. Kemiskinan adalah sebab utama, tetapi berasa terpinggir dan didiskriminasi oleh orang dewasa turut

menjadi faktor penting.

Kehilangan keluarga dan sanak saudara

Kanak-kanak itu menjadi yatim piatu apabila ibu bapa meninggal dunia dan ahli keluarga lain sering kali tidak mahu menerimanya.

Berasa takut dan terpinggir

Kanak-kanak yatim piatu yang tidak dipedulikan mungkin terpaksa pergi ke tempat yang asing atau tidak selamat baginya.

Meningkat risiko jangkitan

Oleh kerana tidak dipedulikan dan ketiadaan ibu bapa untuk memberi didikan dan melindungi mereka, kanak-kanak yatim berkenaan terdedah kepada penderaan dan risiko termasuk kemungkinan jangkitan HIV. Banyak kanak-kanak dipaksa dan dieksploitasi dengan kerja berbahaya termasuk melayani nafsu seks untuk duit, makanan, perlindungan dan rumah.